**PP**

**lwn.**

**ISMAIL ALI**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
AHMADI ASNAWI PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-23-2007]
14 JULAI 2008

***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Kanun Keseksaan - Seksyen 376 – Kesalahan merogol - Prima facie - Keterangan ikut keadaan - Sama ada menunjukkan OKT melakukan hubungan seksual dengan mangsa - Sama ada wujud keterangan mencukupi untuk menyokong inferensi bahawa OKT mengambil kesempatan ke atas mangsa tanpa kerelaannya - Keterangan sokongan menunjukkan kelahiran bayi dan ujian DNA mengesahkan OKT bapa bayi - Sama ada berlakunya kemasukkan zakar OKT ke dalam kemaluan mangsa - Kanun Prosedur Jenayah, s. 399 - Sama ada laporan DNA boleh diterima masuk sebagai keterangan - Sama ada hubungan seksual berlaku dalam salah satu dari keadaan yang dinyatakan di bawah s. 375 Kanun Keseksaan - Sama ada pendakwaraya berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT*

***KETERANGAN:*** *Terima masuk - Bukti sahih - Kesalahan merogol - Prima facie - Keterangan ikut keadaan - Sama ada menunjukkan OKT melakukan hubungan seksual dengan mangsa - Sama ada wujud keterangan mencukupi untuk menyokong inferensi bahawa OKT mengambil kesempatan ke atas mangsa tanpa kerelaannya - Keterangan sokongan menunjukkan kelahiran bayi dan ujian DNA mengesahkan OKT bapa bayi - Sama ada berlakunya kemasukkan zakar OKT ke dalam kemaluan mangsa - Sama ada laporan DNA boleh diterima masuk sebagai keterangan - Kanun Prosedur Jenayah, s. 399 - Sama ada Hakim Sesyen gagal untuk membuat penilaian yang menyeluruh terhadap keterangan-keterangan diberi - Sama ada keterangan-keterangan boleh diterima masuk sebagai keterangan atau bukti sahih*

Pada pertengahan bulan Disember tahun 2000, SP1 (mangsa) bersama SP6 telah diperkenalkan dengan OKT (responden). Kemudian, OKT telah membawa SP1, SP4 dan SP6 ke sebuah bangunan seperti sebuah kilang. Mereka sampai di tempat tersebut jam 12 malam. Setelah masuk ke dalam bangunan, SP4 dan SP6 keluar semula untuk membeli nasi dan meninggalkan SP1 bersama OKT. OKT dikatakan telah memberikan SP1 sebotol air minuman mineral dan selepas SP1 minum beliau merasa pening dan selepas

itu tidak tahu apa yang berlaku. Pada keesokan harinya SP1 terjaga dan mendapati beliau telah tertidur di atas lantai agak jauh sedikit dari OKT dan kedua-dua SP1 dan OKT adalah dalam keadaan lengkap berpakaian. Kemudian semasa SP1 buang air kecil beliau merasa sakit pada kemaluannya dan mendakwa ada keluar darah. SP1 tidak mengesyaki apa-apa telah berlaku kepada dirinya pada masa tersebut. Tetapi, kira-kira Jun 2001, SP1 telah dibawa oleh emaknya untuk pemeriksaan dokotor dan hasil pemeriksaan doctor mengesahkan bahawa SP1 sedang mengandung dan kandungannya berusia 7 bulan. SP1 seterusnya telah membuat laporan polis pada 26 Jun 2001. Siasatan dijalankan oleh SP8 dan OKT telah ditangkap oleh SP2 dan dituduh telah melakukan kesalahan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan dan dihukum di bawah peruntukan yang sama. Di akhir kes pendakwaan Hakim Mahkamah Sesyen telah membebaskan OKT dari pertuduhan atas alasan kesemua intipati pertuduhan telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Pihak pendakwaan tidak berpuashati terhadap keputusan tersebut dan telah memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi ini. Isu-isu yang perlu diputuskan di dalam rayuan ini adalah: (i) sama ada OKT telah melakukan hubungan seksual dengan mangsa (SP1); (ii) sama ada hubungan seksual telah berlaku dalam salah satu dari keadaan-keadaan yang dinyatakan di bawah s. 375 Kanun Keseksaan; (iii) sama ada berlakunya kemasukkan zakar OKT ke dalam kemaluan bangsa dan (iv) sama ada eks. P8 (laporan DNA) telah diterima masuk sebagai keterangan.

**Diputuskan (membenarkan rayuan Pendakwaraya):**

**(1)** Hakim Sesyen telah gagal untuk membuat penilaian yang menyeluruh terhadap keterangan SP1 dan lain-lain keterangan yang berkaitan dengannya. Beliau telah menilai keterangan-keterangan yang ada itu secara berasingan (isolated) tanpa menghiraukan serta mempertimbangkan wujudnya keterangan ikut keadaan (circumstantial evidence) yang menunjukkan OKT sememangnya telah melakukan hubungan seksual dengan mangsa seperti yang diterangkan dalam salah satu keadaan seperti yang ditakrifkan sebagai perbuatan rogol di bawah s. 375 Kanun Keseksaan. Perihal mangsa tidak menyedari dirinya telah dirogol dan berkelakuan seperti biasa pada hari-hari dan bulan-bulan berikutnya sehinggalah mendapati dirinya mengandung adalah konsisten dengan keterangannya bahawa selepas diberi minuman air mineral pada malam itu, beliau berasa pening dan selepas itu tidak tahu apa yang berlaku.

Wujud keterangan yang lebih dari mencukupi untuk menyokong inferensi bahawa OKT telah mengambil kesempatan (advantage) ke atas mangsa dari peluang (opportunity) yang wujud itu, iaitu beliau telah mengadakan hubungan seksual dengan mangsa tanpa disedari oleh mangsa atau dengan kerelaan mangsa. Kelahiran bayi yang mana ujian DNA telah mengesahkan (99.98) bahawa OKT adalah bapa bayi tersebut merupakan keterangan sokongan/tambahan (corroborative/supplementary evidence) yang paling kukuh yang tidak boleh disangkal bahawa OKT sememangnya ada mengadakan hubungan seksual dengan mangsa. (perenggan 7, 10 & 12)

**(2)** Adalah satu kekhilafan bagi Hakim Sesyen untuk hanya memberi penumpuan kepada isu sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya di bawah s. 375(f) Kanun Keseksaan iaitu keterangan yang menunjukkan mangsa adalah di bawah umur 16 tahun. Walaupun umur statutori gagal dibuktikan namun kejadian yang berlaku (perlakuan seksual tersebut) masih lagi dalam takrif rogol sekiranya ia tergolong dalam salah satu dari keadaan-keadaan lain seperti yang diperuntukkan di bawah s. 375 Kanun Keseksaan. Suatu hubungan seksual dengan seorang wanita tanpa kerelaan wanita itu adalah suatu perbuatan rogol walau berapa pun umur wanita tersebut. Dalam kes ini, mangsa tidak berupaya untuk memberikan kerelaanya kerana pada waktu yang material itu beliau dalam keadaan tidak tahu apa yang berlaku dan hanya sedar dari tidurnya keesokkan harinya dalam keadaan terbaring di atas lantai. Hubungan seksual yang dilakukan oleh OKT dengan mangsa dalam keadaan sedemikian adalah satu perbuatan rogol. (perenggan 14, 15 & 16)

**(3)** Isu kemasukan zakar boleh ditunjukkan atau dibuktikan melalui keterangan-keterangan sokongan. Dilihat dari keseluruhan keterangan dalam kes ini sememangnya terdapat kemasukan zakar OKT ke dalam kemaluan mangsa. Hakim Sesyen telah bercempara tanpa haluan yang tidak berfaedah bila beliau menimbulkan soalan-soalan seperti bolehkah mengandung tanpa berlakunya kemasukan zakar dan pelepasan air mani ke dalam kemaluan mangsa. Beliau tidak akan membangkitkan persoalan-persoalan seperti ini jika beliau tidak tersalah arah dalam meneliti serta menangani fakta-fakta dan keterangan-keterangan yang dikemukakan dan undang-undang yang berkaitan

dengannya. Apa yang perlu dibuktikan hanyalah kemasukan zakar ke dalam faraj. Tiada sebarang keraguan bahawa OKT sememangnya telah memasukkan zakarnya ke dalam faraj mangsa, yang mana dalam keseluruhan keadaan kes, kelahiran bayi berkenaan adalah keterangan sokongan yang paling mutlak. Lebih-lebih lagi pihak pembelaan tidak mencadangkan bahawa bayi tersebut telah di 'conceived' dengan menggunakan air maninya melalui cara yang lain selain dari suatu hubungan seksual. (perenggan 17, 18 & 19)

**(4)** Keterangan menunjukkan laporan DNA (P8) telah diserahkan kepada OKT oleh SP8 pada 8 Februari 2002 dan tiada notis telah diberikan oleh pembelaan untuk memanggil ahli kimia selaras dengan peruntukan s. 399 Kanun Prosedur Jenayah. Dengan itu, pihak pendakwaan tidak mempunyai kewajipan untuk memanggil ahli kimia berkenaan sekiranya mereka memikirkan tidak perlu. Maka tidak wujud isu inferensi yang bertentangan (adverse inference) di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 yang perlu digunapakai di sini. Oleh kerana penyerahan P8 kepada OKT adalah teratur dan peruntukan s. 399 Kanun Prosedur Jenayah telah dipatuhi maka didapati bahawa laporan DNA (P8) hendaklah diterima sebagai keterangan dan isi kandungan dan keputusan analisa ahli kimia tersebut hendaklah diterima sebagai keterangan yang benar. Tidak ada asas bagi Hakim Sesyen untuk mempertikaikan kebenaran atau kemutlakkan kandungan P8. (perenggan 20, 21, 22 & 24)

**(5)** Tidak ada keperluan bagi bayi berkenaan dikemukakan kerana kewujudan dan kelahiran bayi itu oleh SP1 tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak termasuklah OKT. Keterangan SP5 yang membuat pemeriksaan atas kandungan SP1 itu juga tidak dipertikaikan, perihal SP8 mengambil contoh darah si mangsa, OKT dan bayi berkenaan juga tidak dicabar dan kandungan laporan DNA yang menyatakan kewujudan bayi berkenaan juga tidak dicabar. Seterusnya perihal SP1 melahirkan bayi tersebut di hospital juga tidak dicabar, keputusan DNA yang kebarangkalian bapa bayi tersebut adalah OKT adalah 99.98% juga tidak dicabar. Oleh kerana OKT tidak mencabar isu-isu ini, di sisi undang-undang iaitu keterangan saksi-saksi berkaitan dengan isu-isu ini adalah keterangan yang boleh diterima masuk sebagai keterangan atau bukti sahih. Dalam keadaan sedemikian, wujudnya keterangan-keterangan yang mencukupi

untuk menunjukkan bahawa bayi itu wujud walaupun bayi itu tidak dikemukakan di mahkamah atau sijil kelahiran juga tidak dikemukakan di mahkamah. Pendakwaraya telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT ke atas pertuduhan seperti mana beliau dituduh di bawah s. 376 Kanun Keseksaan. (perenggan 26, 27, 28 & 29)

**Kes-kes yang dirujuk:**
*Ab Malek Atan v. PP [2002] 6 CLJ 405 HC* ***(dirujuk)***
*Aziz Muhamad Din v. PP [1997] 1 CLJ (Supp) 523 HC* ***(dirujuk)***
*Chong Yik v. PP [1953] 1 LNS 15* ***(dirujuk)***
*Sunny Ang v. PP [1965] 1 LNS 171* ***(dirujuk)***
*Wong Kok Keong v. Regina [1955] 21 MLJ 13* ***(dirujuk)***
*Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**
Criminal Procedure Code, s. 399(1)(b)
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Penal Code, ss. 375(a), (b), (c), (d), (e), (f), 376

*Bagi pihak perayu - Puan Haslinda Abu Bakar TPR*
*Bagi pihak OKT/responden - Abdul Rahim Al Hadad; T/n A Rahim & Co*

*Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin*

## PENGHAKIMAN

**Ahmadi Asnawi PK:**

**Fakta Kes**

**[1]** Pada pertengahan bulan Disember, tahun 2000, SP1 (mangsa) bersama SP6 semasa di Bandar Kluang telah diperkenalkan dengan OKT yang dipanggil "Mail" oleh SP4. Kemudian OKT membawa SP1, SP4 dan SP6 ke sebuah bangunan seperti sebuah kilang. Mereka sampai ditempat tersebut jam lebih kurang 12 tengah malam. Setelah mereka masuk ke dalam bangunan, SP4 dan SP6 keluar semula untuk membeli nasi dan meninggalkan SP1 bersama OKT. OKT dikatakan telah memberikan SP1 sebotol air minuman mineral dan selepas SP1 minum beliau merasa pening dan selepas itu tidak tahu apa yang berlaku.

**[2]** Pada keesokan harinya SP1 terjaga dan mendapati beliau telah tertidur di atas lantai agak jauh sedikit dari OKT dan kedua-dua SP1 dan OKT adalah dalam keadaan lengkap berpakaian.

Kemudian semasa SP1 buang air kecil beliau merasa sakit pada kemaluannya dan mendakwa ada keluar darah. SP1 tidak bertanya apa-apa kepada OKT dan tidak mengesyaki apa-apa telah berlaku kepada dirinya pada masa tersebut.

**[3]** Tetapi kira-kira bulan Jun 2001, SP6 yang nampak perut SP1 membesar telah memberitahu seorang jiran SP1 iaitu makcik "Ruby" bahawa SP1 sedang mengandung. Jiran tersebut kemudiannya memberitahu emak SP1 dan SP1 telah dibawa oleh emaknya untuk pemeriksaan doktor. Hasil pemeriksaan doktor mengesahkan bahawa SP1 sedang mengandung dan kandungannya berusia tujuh bulan.

**[4]** SP1 seterusnya telah membuat laporan polis pada 26 Jun 2001. Siasatan dijalankan oleh SP8 dan OKT telah ditangkap oleh SP2 dan dituduh dengan pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu Ismail bin Ali K/P: 768209-01-7159 pada pertengahan bulan Disember jam lebih kurang 12.00 tengah malam, diruang pejabat tingkat atas sebuah bengkel di alamat Mega Power Engineering & Trading, No. 6, Jalan Malinja 5, Taman Perindustrian Matahari, Batu 6, Jalan Mersing, di dalam Daerah Kluang, di dalam Negeri Johor, telah merogol xxxxx xxxx xx xxx, nombor surat beranak H631454 yang berumur 13 tahun 4 bulan, dengan itu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 376 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum dibawah peruntukan yang sama.

**[5]** Pihak pendakwaan telah memanggil lapan orang saksi dan diakhir kes pendakwaan Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah membebaskan OKT dari pertuduhan atas alasan kesemua intipati pertuduhan telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Pihak pendakwaan tidak berpuashati terhadap keputusan tersebut dan telah memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi ini.

**[6]** Setelah meneliti fakta kes, keterangan-keterangan yang ada dan hujahan kedua-dua pihak, isu-isu yang perlu diputuskan dalam rayuan ini adalah seperti berikut:

i. Samada responden (OKT) telah melakukan hubungan seksual dengan mangsa (SP1)

ii. Samada hubungan seksual telah berlaku dalam salah satu dari keadaan keadaan yang dinyatakan di bawah s. 375 Kanun Keseksaan

iii. Samada berlakunya kemasukkan zakar OKT ke dalam kemaluan mangsa

iv. Samada eks. P8 (lapuran DNA) boleh diterima masuk sebagai keterangan

*Samada Responden Telah Melakukan Hubungan Seksual Dengan Mangsa (SP1)*

**[7]** Setelah menghalusi keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan juga alasan-alasan penghakiman hakim bicara, saya berpuashati bahawa hakim berkenaan telah gagal untuk membuat penilaian yang menyeluruh terhadap keterangan SP1 dan lain-lain keterangan yang berkaitan dengannya. Beliau telah menilai keterangan-keterangan yang ada itu secara berasingan (isolated) tanpa menghiraukan serta mempertimbangkan wujudnya keterangan ikut keadaan (circumstantial evidence) yang menunjukkan OKT sememangnya telah melakukan hubungan seksual dengan mangsa seperti yang diterangkan dalam salah satu keadaan seperti yang ditakrifkan sebagai perbuatan rogol di bawah s. 375 Kanun Keseksaan.

**[8]** Dalam kes *Sunny Ang v. PP* [1965] 1 LNS 171 diputuskan bahawa "... the question in this case, depending as it does on circumstantial evidence, is whether the cumulative effect of all the evidence leads you to the irresistible conclusion that it was the accused who committed this crime ..."

**[9]** Keterangan-keterangan berikut adalah relevan untuk menunjukkan wujudnya "circumstantial evidence" seperti dinyatakan di atas.

– hanya SP1 (mangsa) dan OKT/responden yang tidur dibilik yang sama pada malam itu.

– OKT/responden tidak pernah menafikan tidur di bilik yang sama dengan mangsa.

– keesokan harinya bila terjaga mangsa mendapati beliau berpakaian lengkap. OKT/responden juga masih ada di dalam bilik yang sama dan juga berpakaian lengkap.

– semasa membuang air kecil mangsa mengalami kesakitan pada kemaluannya dan mendapati ada darah keluar dari kemaluannya.

A – mangsa mendapati dirinya mengandung beberapa bulan selepas kejadian bermalam dengan OKT. Keterangan ini turut disokong oleh keterangan SP4, SP8, SP5, kelahiran seorang bayi perempuan dan laporan DNA.

B – pemeriksaan doktor (SP5) ke atas mangsa pada 20 Jun 2001 menganggarkan usia kandungan 26 minggu ke 27 minggu enam hari dan ini konsisten dengan kejadian SP1 bermalam dengan OKT, iaitu dalam bulan Disember 2000.

C – SP1 (mangsa) telah melahirkan seorang bayi perempuan (tidak dicabar).

– hasil analisa DNA (P8) mengesahkan OKT adalah bapa kepada bayi perempuan itu (juga tidak dicabar).

D – Keterangan mangsa yang tidak dicabar iaitu beliau tidak pernah keluar dengan lelaki lain melainkan OKT, beliau tidak ada membuat hubungan dengan sesiapa hingga menyebabkan dirinya mengandung dan beliau tidak pernah tidur dengan mana-mana lelaki.

E **[10]** Dalam semua hal keadaan kes ini semua keterangan-keterangan di atas hendaklah dinilai secara bersekali dan diakhir penilaian tersebut persoalan yang relevan ialah adakah kesan keseluruhan (cumulative effect) keterangan-keterangan di atas itu pada akhirnya membawa hanya kepada satu kesimpulan, iaitu adakah OKT/responden telah melakukan hubungan seksual dengan mangsa yang terangkum dalam takrif rogol. Saya berpendapat jawapannya adalah positif iaitu OKT/responden sememangnya telah mengadakan hubungan seksual dengan mangsa pada malam yang berkaitan. Perihal mangsa tidak menyedari dirinya telah dirogol dan berkelakuan seperti biasa pada hari-hari dan bulan-bulan berikutnya sehinggalah mendapati dirinya mengandung adalah konsisten dengan keterangannya bahawa selepas diberi minuman air mineral pada malam itu, beliau berasa pening dan selepas itu tidak tahu apa yang berlaku.

F

G

H

**[11]** Dalam keadaan yang seperti ini adalah selamat untuk membuat inferensi bahawa wujud kebarangkalian yang tinggi (probable) bahawa OKT/responden telah mengambil serta menggunakan peluang yang wujud itu untuk manfaat dirinya seperti yang dienvisage oleh YA Hakim Augustine Paul (pada masa itu) dalam kes *Aziz Muhamad Din v. PP* [1997] 1 CLJ Supp 523 di

I

ms 554 bahawa "the evidence of opportunity should be supplemented by proof of circumstances of such a nature 'to lead to the inference that it was probable that advantage would be taken of the opportunity ..." A

**[12]** Dalam kes di hadapan saya ini, wujud keterangan yang lebih dari mencukupi untuk menyokong inferensi bahawa OKT telah mengambil kesempatan (advantage) ke atas mangsa dari peluang (opportunity) yang wujud itu, iaitu beliau telah mengadakan hubungan seksual dengan mangsa tanpa disedari oleh mangsa atau dengan kerelaan mangsa. Kelahiran bayi yang mana ujian DNA telah mengesahkan (99.98) bahawa OKT/responden adalah bapa bayi tersebut merupakan keterangan sokongan/tambahan (corroborative/supplementary evidence) yang paling kukuh yang tidak boleh disangkal bahawa OKT/responden sememangnya ada mengadakan hubungan seksual dengan mangsa. B C D

*Samada Hubungan Seksual Telah Berlaku Dalam Salah Satu Dari Keadaan-keadaan Yang Dinyatakan Di Bawah s. 375 Kanun Keseksaan*

**[13]** Sehubungan dengan isu ini saya bersetuju dengan hujah Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana bahawa hakim bicara telah tersalah arah (misdirected himself) dalam menangani isu ini. Beliau hanya memberi penumpuan kepada isu samada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya di bawah s. 375(f) Kanun Keseksaan iaitu keterangan yang menunjukkan mangsa adalah di bawah umur 16 tahun. Seksyen di bawah mana OKT/responden dituduh adalah dibawah s. 376, iaitu seksyen yang berkaitan dengan hukuman pelaku-pelaku rogol. Perbuatan rogol itu sendiri didefinasikan di bawah s. 375(a), (b), (c), (d), (e) dan (f) yang meliputi enam perbuatan atau keadaan hubungan seksual dengan seorang perempuan yang boleh terjumlah dalam takrif rogol. Pihak pendakwaan tidak berkewajipan untuk memperincikan di bawah keadaan manakah perlakuan seksual itu telah dilakukan. Memadai jika hanya disebut "telah merogol" tanpa perlu memperincikan secara spesifik di bawah keadaan yang mana satu perbuatan rogol itu telah dilakukan. E F G H

**[14]** Dengan demikian adalah satu kekhilafan bagi hakim bicara dalam kes ini untuk hanya memberikan penumpuan kepada keadaan dibawah s. 375(f) sahaja. Lebih-lebih lagi bila pertuduhan itu tidak pun menyebut akan s. 375(f) ini. Beliau sepatutnya meluaskan skop pengamatan dan penilaiannya dengan meneliti samada dari I

keseluruhan keterangan-keterangan yang dikemukakan, telah berlaku perbuatan rogol atau tidak dalam rangkuman-rangkuman seperti mana didefinasikan dibawah s. 375(a) atau (b) atau (c) atau (d) atau (e) atau (f).

**[15]** Dalam memutuskan isu sebegini prinsip dalam kes *Ab. Malek b. Atan v. PP* [2002] 6 CLJ 405 di ms. 415 adalah terpakai iaitu bahawa "Pursuant to s. 375 of the Penal Code a man who has sexual intercourse with a woman under any of the circumstances enumerated therein is said to commit "rape". Sexual intercourse under any of the prescribed circumstances has thus been given the specific name of "rape". The corollary is that an offence of rape may be described in the charge by that name only. It is therefore not necessary to identify the specific limb of the s. 375 of the Penal Code under which the case of the accused falls ..."

**[16]** Maknanya dalam kes sekarang ini, walaupun umur statutori gagal dibuktikan namun kejadian yang berlaku (perlakuan seksuan tersebut) masih lagi dalam takrif rogol sekiranya ia tergolong dalam salah satu dari keadaan-keadaan lain seperti yang diperuntukkan dibawah s. 375 Kanun Keseksaan. Sesuatu hubungan seksual dengan seorang wanita tanpa kerelaan wanita itu adalah suatu perbuatan rogol walau berapa pun umur wanita tersebut. Dalam kes ini mangsa tidak berupaya untuk memberikan kerelaannya kerana pada waktu yang material itu beliau dalam keadaan tidak tahu apa yang berlaku dan hanya sedar dari tidurnya keesokkan harinya dalam keadaan terbaring di atas lantai. Hubungan seksual yang dilakukan oleh OKT/responden dengan mangsa yang dalam keadaan sedemikian adalah satu perbuatan rogol.

*Samada Berlakunya Kemasukan Zakar OKT/Responden Ke Dalam Kemaluan Mangsa*

**[17]** Adalah tidak munasabah bagi mana-mana pihak untuk menuntut dari mangsa satu keterangan langsung (direct evidence) bahawa terdapat kemasukan zakar OKT/responden ke dalam kemaluan mangsa, kerana keterangan adalah mantap dan tidak dicabar bahawa di sepanjang masa yang material mangsa berada dalam keadaan tidak tahu apa yang berlaku atau tidak sedarkan diri selepas diberi air minuman mineral oleh OKT/responden. Walaubagaimana pun isu kemasukan zakar ini boleh ditunjukkan atau dibuktikan melalui keterangan-keterangan sokongan.

**[18]** Sehubungan dengan itu saya mengulangi alasan-alasan terperinci yang terdahulu dan berpuashati bahawa dilihat dari keseluruhan keterangan dalam kes ini sememangnya terdapat kemasukan zakar OKT/responden ke dalam kemaluan mangsa. Inginlah saya mengamati bahawa hakim bicara telah bercempara tanpa haluan (went frolicking on his own) yang tidak berfaedah bila beliau menimbulkan soalan-soalan bolehkah mengandung tanpa berlakunya kemasukan zakar dan pelepasan air mani ke dalam kemaluan mangsa, bolehkah mengandung jika air mani dilepaskan pada bahagian luar kemaluan SP1 tanpa kemasukan zakar ke dalam faraj, adakah hanya dengan kemasukan zakar boleh menyebabkan mangsa mengandung, apakah perbuatan yang OKT/responden lakukan kepada mangsa sehingga menyebabkan SP1 mengandung. Beliau tidak akan membangkitkan persoalan-persoalan seperti ini jika beliau tidak tersalah arah dalam meneliti serta menangani fakta-fakta dan keterangan-keterangan yang dikemukakan dan undang-undang yang berkaitan dengannya. Begitulah juga keadaannya bila beliau menangani keterangan SP5 dengan cara yang negatif. SP5 mengatakan dengan jelas bahawa sudah boleh nak pastikan bahawa mangsa memang pernah melakukan hubungan seksual dari pemeriksaannya.

**[19]** Walau apa pun, samada OKT/responden melepaskan air maninya dalam faraj atau diluar faraj atau tidak melepaskan air maninya langsung adalah tidak relevan dalam kes ini kerana untuk memastikan berlakunya perbuatan rogol, apa yang diperlu dibuktikan hanyalah kemasukan zakar ke dalam faraj, tidak kiralah samada zakar dimasukkan sepenuhnya atau separuh bahagian atau sebahagian kecil sahaja dari zakar berkenaan. Dalam kes sekarang ini, saya tidak mempunyai sebarang keraguan bahawa OKT/responden sememangnya telah memasukkan zakarnya ke dalam faraj mangsa, yang mana dalam keseluruhan keadaan kes, kelahiran bayi berkenaan adalah keterangan sokongan yang paling mutlak. Lebih-lebih lagi bila pihak pembelaan tidak mencadangkan bahawa bayi tersebut telah di "conceived" dengan menggunakan air maninya melalui cara yang lain selain dari suatu hubungan seksual.

*Samada eks. P8 (Laporan DNA) Boleh Diterima Masuk Sebagai Keterangan*

**[20]** Keterangan menunjukkan laporan DNA (P8) telah diserahkan kepada OKT/responden oleh SP8 pada 8 January 2002 dan tiada notis telah diberikan oleh pembelaan untuk memanggil ahli kimia selaras dengan peruntukan s. 399 Kanun Prosedur Jenayah. Hakim

bicara juga menyatakan notis sedemikian tidak diberi oleh pembelaan. Pembelaan dalam hujahnya diakhir kes pendakwaan juga tidak menimbulkan isu notis ini. Maka saya amat hairan kenapa hanya di peringkat rayuan di hadapan saya baru peguambela yang bijaksana membangkitkan kononnya notis yang sedemikian dibawah s. 399(1)(b) Kanun Prosedur Jenayah telah diserahkan kepada pihak pendakwaan melalui surat mereka bertarikh 21 Februari 2002. Saya amat meragui akan hujahan ini dan merasakan hujahan ini dibangkitkan semata-mata untuk mengelirukan mahkamah.

**[21]** Maka saya mendapati bahawa pihak OKT/responden sememangnya tidak memberikan notis yang sedemikian dan dengan itu pihak pendakwaan tidak mempunyai kewajipan untuk memanggil ahli kimia berkenaan sekiranya mereka memikirkan tidak perlu. Maka tidak wujud isu inferensi yang bertentangan (adverse inference) di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 yang perlu digunapakai disini.

**[22]** Oleh kerana penyerahan P8 kepada OKT/responden adalah teratur dan peruntukan s. 399 Kanun Prosedur Jenayah telah dipatuhi maka saya mendapati bahawa laporan DNA (P8) hendaklah diterima sebagai keterangan dan isi kandungan dan keputusan analisa ahli kimia tersebut hendaklah diterima sebagai keterangan yang benar (evidence of the truth of its contents). Dalam keadaan seperti ini tidak ada sesiapa pun yang boleh mempertikaikan keputusan analisa ahli kimia tersebut. Dalam isu ini saya merujuk kes *Wong Kok Keong v. Regina* [1955] 21 MLJ 13 di mana peruntukan s. 427(1) Straits Settlement CPC adalah *in pari materia* dengan peruntukan s. 399 Kanun Prosedur Jenayah sekarang. Di ms. 14 kes tersebut diputuskan bahawa "There is no doubt in my mind that the effect of s. 427(1) when properly complied with is to make certain documents evidence of the truth of their contents which would otherwise not be evidence at all."

**[23]** Kes *Chong Yik v. PP* [1953] 1 LNS 15 pula memutuskan bahawa "If s. 399(1), Criminal Procedure Code, did not exist, a report of Government Chemist could only be proved by calling him as witness to produce it. Section 399(1), Criminal Procedure Code is in effect a departure from the ordinary procedure of proving documents in a court and is obviously enacted to save the party wishing to use as evidence a report of the persons named the trouble and expense of calling such persons as witnesses to prove the report."

**[24]** Dalam keadaan sedemikian saya berpendapat tidak ada asas bagi hakim bicara untuk mempertikaikan kebenaran atau kemutlakkan kandungan P8. Tidak ada keperluan bagi ahli kimia untuk dipanggil menjelaskan kandungan P8 itu kerana P8 tidak pernah dicabar oleh pembelaan dan pengemukaan P8 sebagai keterangan adalah teratur.

**[25]** Demikian juga hakim bicara tidak ada asas untuk meragui kelahiran bayi perempuan tersebut yang mana "paternity" telah disahkan oleh ujian DNA sebagai dibapakan oleh OKT/responden hanya kerana bayi itu tidak dikemukakan sebagai barang kes dan sijil beranaknya juga tidak dikemukakan. Sekali lagi saya berpendapat hakim berkenaan telah bercempara tanpa haluan dalam menangani isu ini.

**[26]** Sehubungan isu di atas, saya berpendapat tidak ada keperluan bagi bayi itu dikemukakan kerana kewujudan dan kelahiran bayi itu oleh SP1 tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak termasuklah OKT/responden. Keterangan SP5 yang membuat pemeriksaan atas kandungan SP1 itu juga tidak dipertikaikan, perihal SP8 mengambil contoh darah simangsa, OKT/responden dan bayi berkenaan juga tidak dicabar dan kandungan laporan DNA yang menyatakan kewujudan bayi berkenaan juga tidak dicabar. Seterusnya perihal SP1 melahirkan bayi tersebut di hospital juga tidak dicabar, keputusan DNA yang kebarangkalian bapa bayi tersebut adalah OKT/responden adalah 99.98% juga tidak dicabar.

**[27]** Oleh kerana OKT/responden tidak mencabar isu-isu ini, di sisi undang-undang iaitu keterangan saksi-saksi berkaitan dengan isu-isu ini adalah keterangan yang boleh diterima masuk sebagai keterangan atau bukti sahih. Isu seperti ini telah diputuskan dalam kes *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138 bahawa "On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony.

**[28]** Dalam keadaan sedemikian saya tidak mempunyai keraguan untuk mendapati bahawa wujudnya keterangan-keterangan yang mencukupi untuk menunjukkan bahawa bayi itu wujud walaupun bayi itu tidak dikemukakan di mahkamah atau sijil kelahiran juga tidak dikemukakan di mahkamah.

A **[29]** Setelah membuat penilaian maksimum ke atas keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan, saya mendapati bahawa pendakwaraya telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT/responden ke atas pertuduhan seperti mana beliau dituduh di bawah s. 376 Kanun Keseksaan.

B

**[30]** Dengan itu saya membenarkan rayuan pendakwaraya dan memerintahkan OKT/responden dipanggil untuk membela diri di hadapan hakim bicara yang sama.

C

D

E

F

G

H

I